

SEDEKAH AMALAN KEBAJIKAN

Ihsan: Perbadanan Baitulmal Negeri Sabah

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

...وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ ۗ وَاتَّقُوا اللَّهَ ۖ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ

الْعِقَابِ ﴿٢﴾

(Surah Al-Maaidah, ayat 2)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى الْهَادِي الْبَشِيرِ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ
اهْتَدَىٰ بِهِدَاهِمُ عَلَى الدَّوَامِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

SIDANG JUMAAT YANG BERBAHAGIA,

Saya berpesan kepada diri saya dan sidang Jumaat sekalian, marilah kita bersama-sama tingkatkan ketakwaan kepada Allah SWT, dengan mentaati segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Sesungguhnya kebahagiaan di dunia dan kesejahteraan di akhirat hanyalah ditentukan oleh iman dan takwa.

SIDANG JUMAAT YANG BERBAHAGIA,

Agama Islam amat menggalakkan kita supaya hidup saling bantu-membantu dan tolong-menolong kerana dengan cara demikian dapat menimbulkan perasaan hormat-menghormati dan berkasih sayang sesama manusia, tidak mengira sama ada keluarga, kaum kerabat, rakan, jiran mahupun orang yang tidak dikenali.

Dengan amalan demikian dapatlah kita nikmati kehidupan yang aman damai, sejahtera dan harmoni, baik dalam berkeluarga mahupun bermasyarakat.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam surah Al-Maa-idah ayat 2 yang bermaksud:

"Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertakwa dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan. Dan bertakwalah kepada Allah kerana sesungguhnya Allah Maha Berat Azab Seksa-Nya bagi sesiapa yang melanggar perintah-Nya".

Salah satu cara untuk melaksanakan konsep tolong-menolong atau bantu-membantu ialah dengan bersedekah. Sesungguhnya sedekah sangat digalakkan oleh agama Islam. Ia merupakan salah satu cara kita menzahirkan kesyukuran dengan nikmat rezeki kurniaan Allah Subhanahu Wata'ala.

Amalan sedekah merupakan kunci untuk mendapatkan ketenangan dan kebahagiaan hidup dan ianya juga merupakan latihan jiwa atau rohani agar kita hidup menjadi orang yang prihatin, belas kasihan, kasih sayang, jauh dari bersifat pentingkan diri sendiri dan sebagainya.

SIDANG JUMAAT YANG BERBAHAGIA,

Setiap yang hidup pasti akan merasa kematian sama ada tua atau muda kecil atau dewasa. Apabila datangnya kematian, maka terputuslah semua amalan melainkan beberapa perkara sahaja. Sabda Rasulullah SAW, dalam hadis riwayat Al-Bukhari:

Maksudnya: *“Apabila seorang anak Adam mati, segala amalannya terputus, kecuali tiga perkara: iaitu sedekah jariah, ilmu yang bermanfaat dan anak soleh yang mendoakannya”*.

Hadis ini menjelaskan kepada kita, bahawa terdapat beberapa amalan utama yang perlu dilakukan oleh setiap muslim semasa hidupnya di dunia Yang akan menjadi bekalan menuju ke alam akhirat. Antara amalan tersebut, ialah amalan sedekah yang merupakan sebahagian amalan yang menjadi saham di akhirat nanti.

SIDANG JUMAAT YANG BERBAHAGIA,

Bersedekah amat digalakkan oleh Islam. Firman Allah SWT dalam surah Al-Baqarah ayat 261:

مَثَلُ الَّذِينَ يُنْفِقُونَ أَمْوَالَهُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ كَمَثَلِ حَبَّةٍ أَنْبَتَتْ سَبْعَ سَنَابِلٍ فِي كُلِّ سُنْبُلَةٍ مِائَةٌ حَبَّةٌ وَاللَّهُ يُضَعِفُ لِمَنْ يَشَاءُ وَاللَّهُ وَاسِعٌ عَلِيمٌ ﴿٢٦١﴾

Bermaksud: *‘Bandingan orang-orang yang membelanjakan hartanya pada jalan Allah, ialah sama seperti sebiji benih yang tumbuh menerbitkan tujuh tangkai, tiap-tiap tangkai itu pula mengandungi seratus biji. Dan ingatlah, Allah akan melipatgandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendakiNya, dan Allah Maha Luas rahmatNya, lagi meliputi ilmu pengetahuanNya’*.

Ayat ini menceritakan tentang kelebihan bersedekah. Setiap sesuatu yang disedekahkan, akan digandakan pahala oleh Allah SWT.

Namun, Dalam mengerjakan amalan bersedekah, kita perlulah melakukannya dengan hati yang ikhlas kerana Allah SWT, bukan disebabkan sesuatu seperti kerana nama atau asal bersedekah sahaja. Supaya perbuatan bersedekah itu tidak menjadi sia-sia, agama Islam telah mengajar umatnya bahawa ketika bersedekah, maka biarlah menepati erti sedekah itu sebenarnya.

Dan harus diperhatikan juga bahawa barang yang disedekahkan itu hendaklah baik dan elok. Adalah tidak wajar dan munasabah andainya benda yang disedekahkan itu jika disedekahkan kepada kita, kita sendiri tidak menyukainya dan tidak rela menerimanya.

Biarlah yang disedekahkan itu daripada benda-benda yang disenangi oleh penerimanya. Kerana itulah Allah Subhanahu Wataala melarang bersedekah dengan benda-benda yang tidak baik. Perlu diingat bahawa bersedekah adalah merupakan ibadat dan tanda mensyukuri nikmat yang dianugerahkan Allah Subhanahu Wataala kepada kita.

Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Al-Baqarah ayat 267 yang bermaksud: *"Wahai orang-orang yang beriman! Belanjakanlah pada jalan Allah sebahagian dari hasil usaha kamu yang baik-baik dan sebahagian dari apa yang Kami keluarkan dari bumi untuk kamu. Dan janganlah kamu sengaja memilih yang buruk daripadanya lalu kamu dermakan atau kamu jadikan pemberian zakat, padahal kamu sendiri tidak sekali-kali akan mengambil yang buruk itu kalau diberikan kepada kamu kecuali dengan memejamkan mata padanya. Dan ketahuilah, sesungguhnya Allah Maha Kaya lagi sentiasa terpuji"*.

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

Umat Islam mempunyai peluang yang amat luas untuk melipatgandakan pahala khususnya bagi mereka yang dikurniakan harta dan wang ringgit yang banyak. Oleh itu, beruntunglah orang-orang yang diberi oleh Allah SWT kelebihan suka menolong orang lain dan bersedekah di dalam perkara kebajikan. Sabda Rasulullah SAW:

Bermaksud: *"Sebaik-baik manusia ialah mereka yang memberi manfaat kepada orang lain"*.

Berdasarkan hadis ini, maka beruntunglah bagi sesiapa yang menjadi orang yang banyak memberi manfaat kepada sesama manusia. Selain itu, mereka juga suka memberi bantuan dalam kerja-kerja kebajikan dan berusaha mengurangkan penderitaan terhadap musibah yang ditanggung oleh seseorang.

Oleh itu, seruan amalan suka menolong dan membantu orang lain adalah termasuk dalam amal ibadah, bahkan pahalanya sangat besar. Islam tidak membataskan sedekah pada harta semata-mata, bahkan Islam menganggap semua kebaikan sebagai sedekah.

Saban hari media massa memaparkan kisah penderitaan masyarakat, ada dalam kalangan mereka yang terlantar sakit, fakir dan miskin. Sebenarnya, kita boleh membantu mereka sama ada dengan wang ringgit atau sokongan moral. Ada juga dalam kalangan mereka memerlukan pelbagai bantuan, antaranya bantuan organ untuk meneruskan kehidupan.

Firman Allah SWT dalam Surah Al-Maidah ayat 32:

...وَمَنْ أَحْيَاهَا فَكَأَنَّمَا أَحْيَا النَّاسَ جَمِيعًا

Maksudnya: *"Dan sesiapa yang menjaga kehidupan manusia, maka seolah-olah dia telah menjaga kehidupan manusia semuanya."*

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

Mimbar ingin merumuskan bahawa:

Pertama: Secara Fitrahnya Umat Islam tidak boleh hidup bersendirian. Oleh sebab itu, mereka hendaklah hidup bermasyarakat dan membantu antara satu sama lain. Sebagaimana yang disabdakan oleh Nabi SAW:

Yang bermaksud: *"Orang yang beriman itu seperti satu binaan yang saling menguatkan diantara satu dengan yang lain."*

Kedua: Anggota masyarakat hendaklah hidup dalam suasana ukhuwah. Ini akan menjamin hidup mereka dalam keadaan aman sejahtera, makmur dan bahagia.

Allah SWT berfirman:

Maksudnya: "Sesungguhnya orang yang beriman itu adalah bersaudara, maka damaikanlah antara dua saudara kamu (yang bertelingkah) itu, dan bertaqwalah kepada Allah supaya kamu beroleh rahmat."

Ketiga: Tuntutan bersedekah dan menderma adalah sebahagian daripada cabang iman. Sesiapa yang melaksanakan tuntutan ini akan mendapat ganjaran pahala serta dikasihi Allah SWT dan Rasul SAW.

Di Negeri Sabah ini Perbadanan Baitulmal yang mula beroperasi sepenuhnya pada 01 Januari 2005 telah mewujudkan Tabung Kumpulan Wang Amal Jariah seperti yang lain termaktub di dalam Enakmen Baitulmal 1998.

Antara lain Objektifnya adalah untuk:

1. Memberi galakan kepada masyarakat Islam agar menjadikan budaya suka menderma atau bersedekah sebagai satu amalan dalam kehidupan harian.
2. Serta mewujudkan sikap prihatin masyarakat Islam serta membantu meringankan beban masyarakat Islam yang kurang bernasib baik.

Bagi mereka yang ingin menyumbang bolehlah menyalurkan sumbangan terus ke **Kaunter Pejabat PBNS di Wisma MUIS atau Tabung KWAJ** yang terdapat di sejumlah premis Islam dan kaunter pejabat awam sekitar Kota Kinabalu.

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

Mengakhiri khutbah ini mimbar juga ingin menyentuh sedikit mengenai Fidyah Ramadhan,

Sekalipun Ramadhan telah meninggalkan kita, namun masih ada tanggungjawab yang bersangkutan dengan ramadhan yang perlu dilaksanakan segera iaitu Fidyah Ramadhan yang bermaksud:

"Denda yang dikenakan keatas orang Islam yang meninggalkan puasa ramadhannya atas sebab-sebab yang tertentu atau tidak sempat mengganti puasa ramadhannya pada sesuatu tahun sehingga datang Ramadhan yang seterusnya".

Fidyah Ramadan itu ada tiga jenis iaitu:

- Jenis yang pertama:

Denda yang dikenakan kepada orang yang melengah-lengahkan dalam mengqada puasa yang ditinggalkan tanpa keuzuran sehinggalah datang Ramadan yang seterusnya. Maka golongan ini Wajib membayar Fidyah dan mengqada puasa yang ditinggalkan.

- Jenis yang kedua pula ialah:

Denda yang dikenakan kepada Ibu yang hamil atau menyusukan anak, sekiranya ia khuatir anaknya menjadi mudarat. Maksudnya ialah jika seorang Ibu yang hamil atau menyusukan anak meninggalkan puasa ramadhannya kerana khutir akan memudaratkan anaknya maka si Ibu ini dikenakan Fidyah dan mengqada puasa yang ditinggalkan pada hari yang lain.

- Dan jenis yang ketiga:

laitu denda yang dikenakan kepada orang tua yang sudah lanjut usia dan tidak mampu lagi berpuasa.

Sepertimana yang disebut dalam satu riwayat Al-baihaqi Abu Hurairah telah berkata:

Yang bermaksud: *“Barangsiapa yang sudah lanjut usia dan tidak mampu berpuasa maka wajib keatasnya member makan dengan secupak gandum bagi sehari puasa yang ditinggalkan (membayar Fidyah).”*

Jelas daripada penjelasan ini Hukum membayar Fidyah Ramadhan adalah Wajib, ianya adalah perintah Allah SWT dan Rasulullah SAW.

Bagi mereka yang ingin melaksanakan pembayaran FIDYAH RAMADHAN bolehlah dibayar terus ke Kaunter Pejabat Baitulmal, kerana di Negeri Sabah ini Perbadanan Baitulmal adalah Badan yang dipertanggungjawabkan untuk menerima dan mengurus wang bayaran fidyah.

Dan hasil daripada wang pembayaran Fidyah Ramadhan yang diterima oleh Perbadanan Baitulmal akan diagih-agihkan kepada golongan miskin dalam bentuk makanan, wang ringgit atau mengikut keperluan asasi kerana merekalah golongan yang layak menerimanya.

Sepertimana yang difirmankan oleh Allah SWT dalam Surah Al-Baqarah ayat 184:

...وَعَلَى الَّذِينَ يُطِيقُونَهُ فِدْيَةٌ طَعَامُ مَسْكِينٍ^ط

Bermaksud: *“Dan bagi orang yang kuasa berpuasa tetapi amat berat melakukannya, (wajib) memberikan fidyah dengan memberi makan seorang miskin.”*

بَارِكْ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ وَاسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ



Diedar oleh:
Bahagian Penyelidikan dan Informasi
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah